



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



**DASAR DAN PRINSIP
JAMINAN KUALITI
PROGRAM PENGAJIAN**

**JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PINDAAN PERTAMA
2014**

**DASAR DAN PRINSIP
JAMINAN KUALITI
PROGRAM PENGAJIAN**

**JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dan institusi dibawah kawalannya komited dalam peningkatan kualiti secara berterusan ke atas program pengajian politeknik yang ditawarkan bagi mencapai aspirasi politeknik sebagai peneraju dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.
- 1.2 Dasar dan Prinsip Jaminan Kualiti disediakan untuk memberi panduan kepada pemimpin, staf akademik iaitu Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan staf sokongan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka bagi memastikan kualiti program pengajian dicapai, dipertahankan dan dipertingkatkan, selaras dengan aspirasi negara, spesifikasi kurikulum pengajian, kriteria standard akreditasi dan kerangka kelayakan yang ditetapkan.

2.0 PERNYATAAN DASAR

Politeknik komited dalam memastikan segala langkah dan insiatif jaminan kualiti dilaksanakan bagi mengekal dan mempertingkatkan kualiti program pengajian yang ditawarkan secara berterusan.

3.0 SKOP

Dasar ini digunakan oleh semua pemimpin, staf akademik (PPPT) serta staf sokongan di JPP dan institusi di bawah kawalannya dalam melaksanakan program pengajian yang ditawarkan di politeknik

4.0 DEFINISI

4.1 Jaminan Kualiti

Jaminan kualiti merangkumi tindakan-tindakan sistematik dan terancang bertujuan menunjukkan bahawa kualiti dicapai, dipertahankan dan dipertingkatkan, selaras dengan standard khusus pengajaran dan juga pengalaman pembelajaran pelajar.

5.0 PRINSIP-PRINSIP PELAKSANAAN

5.1 Tanggungjawab Jaminan Kualiti

Kepimpinan akademik di peringkat JPP & politeknik hendaklah berperanan serta bertanggungjawab dalam memastikan jaminan kualiti program pengajian dicapai, dikekalkan dan ditambahbaik secara berterusan melalui perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan secara terancang dan sistematik.

5.2 Kepimpinan Jaminan Kualiti

Jawatankuasa Jaminan Kualiti Sistem Pengajian Politeknik atau yang setanding dengannya diwujudkan bagi memimpin dan menyelaras penjaminan kualiti program pengajian di peringkat JPP, politeknik dan jabatan/program. Usaha ke arah peningkatan kualiti diterajui, dipantau dan diselaraskan secara berstruktur dan bersistematik.

5.3 Akreditasi Sementara

Permohonan Akreditasi Sementara dilaksanakan bagi program pengajian baharu yang ditawarkan di sesebuah politeknik. Dokumentasi merangkumi maklumat umum politeknik, program dan standard program perlu disediakan oleh politeknik berkaitan apabila Jabatan Pengajian Politeknik meluluskan pelaksanaan penawaran program baharu di politeknik. Permohonan Akreditasi Sementara perlu dikemukakan ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum program baharu ditawarkan.

5.4 Audit Kualiti Dalaman / Luaran

Audit Kualiti Dalaman / Luaran Program Pengajian dijalankan secara berkala untuk setiap program pengajian yang ditawarkan di politeknik bagi setiap kitaran pengajian atau mengikut keperluan badan profesional. Proses audit melibatkan semakan ke atas dokumen dan rekod, temuduga pemimpin program, staf akademik, staf sokongan, pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar di samping lawatan ke fasiliti pembelajaran dan pengajaran perlu dilaksanakan. Status pencapaian matlamat serta hasil pembelajaran dilaporkan di peringkat JPP, Politeknik dan jabatan/program berdasarkan keperluan kriteria penilaian dalam standard akreditasi.

5.5 Penilaian Kendiri

Penilaian Kendiri Program Pengajian dijalankan apabila pelajar kohort pertama memasuki tahun terakhir pengajian. Laporan Penilaian Kendiri (SRR) meliputi keperluan kriteria penilaian dalam standard akreditasi dan disediakan mencakupi aspek :

- Kekuatan program dalam mencapai matlamatnya;
- Bidang yang perlu diberi perhatian;
- Strategi bagi mengekal dan meningkatkan kekuatan program;
- Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi bidang bermasalah; dan
- Kesimpulan dan cadangan untuk penambahbaikan.

5.6 Akreditasi Penuh

Permohonan Akreditasi Penuh dilaksanakan ke atas program pengajian baharu yang ditawarkan di sesebuah politeknik apabila kohort pertama pelajar program berkenaan memasuki tahun akhir pengajian. Dokumentasi merangkumi maklumat umum politeknik, program, standard program dan Laporan Penilaian Kendiri (SRR) perlu disediakan oleh politeknik sebelum permohonan Akreditasi Penuh dikemukakan ke MQA . Politeknik perlu membuat persediaan sewajarnya untuk menerima lawatan penilaian program.

5.7 Audit Pematuhan

Permohonan Audit Pematuhan oleh politeknik dilaksanakan bagi program-program pengajian yang telah mendapat Akreditasi Penuh. Ia dilaksanakan mengikut ketetapan MQA dan bertujuan untuk memastikan dasar dan keperluan jaminan kualiti bagi mengekalkan status Akreditasi Penuh dengan memenuhi keperluan berikut :

- Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)
- Standard Program
- Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA)
- Syarat-syarat khusus Akreditasi Penuh

5.8 Semakan Semula Kurikulum

Semakan semula kurikulum dijalankan seawal setahun selepas sesuatu kurikulum program pengajian ditawarkan atau selewat-lewatnya satu tahun selepas satu kitaran program pengajian berkenaan. Semakan semula dilakukan ke atas keseluruhan kandungan dokumen kurikulum mengambil kira maklumbalas serta keperluan pihak yang berkepentingan termasuk bahagian pentaksiran dan disesuaikan dengan keperluan pengetahuan, kemahiran praktikal dan kemahiran generik / insaniah terkini.

5.9 Maklum Balas Pelanggan dan Pihak Berkepentingan

Maklum balas serta cadangan dari pelanggan dan pihak berkepentingan dilaksanakan mengikut keperluan untuk tujuan penambahbaikan kualiti secara berterusan program pengajian antara lain termasuk :

- Kualiti pembelajaran dan pengajaran
- Keberkesanan penyampaian perkhidmatan
- Pembangunan dan semakan kurikulum
- Kualiti graduan sesuai dengan kehendak pasaran kerja

Laporan maklum balas dibentangkan di peringkat JPP, politeknik dan jabatan/program.

6.0 DOKUMEN-DOKUMEN BERKAITAN

- 6.1 Kurikulum Program Pengajian
- 6.2 Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dari MQA
- 6.3 Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) dari MQA
- 6.4 Kod Amalan Audit Institusi (COPIA) dari MQA
- 6.5 Standard Program dari MQA
- 6.6 Garis Panduan Amalan Baik dari MQA
- 6.7 Prosedur Penilaian Kendiri Program Pengajian Politeknik
- 6.8 Prosedur Operasi Standard Bagi Penawaran Program Pengajian Baharu

7.0 PERNYATAAN KUATKUASA

Dasar dan Prinsip Jaminan Kualiti ini dikuatkuasakan kepada semua pemimpin, staf akademik (PPPT) dan staf sokongan di Jabatan Pengajian Politeknik KPM dan institusi di bawah kawalannya mulai 01 Jun 2014.

8.0 LAIN-LAIN

- 8.1 JPP berhak mengubah Dasar dan Prinsip ini dari semasa ke semasa.
- 8.2 Dasar dan Prinsip Jaminan Kualiti Program Pengajian Jabatan Pengajian Politeknik disemak sekurang-kurangnya setiap 3 tahun bagi memenuhi keperluan serta kehendak semasa dengan mengambilkira semua pihak berkepentingan.

Disediakan oleh : **Bahagian Pembangunan Akademik**

Disahkan oleh : **JK Pengurusan Jabatan Pengajian Politeknik**

Tarikh di sahkan : **3 Mac 2014**